

Dr Lim serah jawatan 8 April

Presiden Gerakan mahu ahli parti tolak pihak berjuang untuk kepentingan diri

Oleh Azman Zakaria dan Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik malam tadi mengumumkan akan menyerahkan pucuk pimpinan parti itu kepada pengantinya Tan Sri Dr Koh Tsu Koon pada 8 April 2007 pada persidangan khas parti itu.

"Saya pilih tarikh ini kerana ia hari jadi saya," katanya dalam pengumuman ringkas kepada ahli parti itu ketika jamuan malam untuk delegasi Persidangan Perwakilan Kebangsaan Gerakan ke-35, di sini.

Dr Lim membuat pengumuman mengejut itu berikutan banyak spekulasi mengenai tarikh sebenar beliau akan menyerahkan kepemimpi-

"*Politik adalah hal mengenai perkhidmatan dan menghulurkan bantuan kepada rakyat dan negara bukan untuk diri sendiri*"

Dr Lim Keng Yaik
Presiden Gerakan

nan parti selepas mengumumkan beliau akan berbuat demikian antara April dan Ogos tahun depan.

Terdahulu, dalam ucapan terakhir sebagai Presiden pada persidangan itu, beliau mengingatkan ahli parti supaya menolak golongan oportunist yang disifatkan pembawa bencana besar jika dibiarkan berlaku.

Beliau berkata, oportunist adalah golongan yang sentiasa menunggu untuk memastikan kepentingan diri mereka ditunaikan dan bukan menunaikan kepentingan masyarakat.

"Sebagai pemimpin kita perlu ikhlas berbakti kepada rakyat, bukannya menjaga kepentingan dan kebajikan diri sendiri semata-mata. Kepemimpinan yang baik adalah mereka yang bertanggungjawab terhadap kebajikan kumpulan dan bukan kepada beberapa individu.

"Dalam politik, seseorang itu perlu memberi khidmat kepada negara dan bukan untuk diri sendiri," katanya.

Sementara itu, pada sidang medianya, Keng Yaik menyifatkan golongan oportunist sebagai pengacau dalam Gerakan kerana mereka sanggup mendesak kepemimpinan parti untuk mendapatkan jawatan, projek dan anugerah.

Beliau mengingatkan ahli supaya menolak oportunist yang disifatkan pandai berkata-kata, tetapi sebenarnya tidak bijak dan hanya tahu mengambil kesempatan.



TAK KIRA TEMPAT: Keng Yaik (duduk dari kanan) dan Dr Koh menjamu selera di tangga bersama perwakilan ketika sidang media di Kuala Lumpur, semalam.